



TRAFFIC
the wildlife trade monitoring network

Mac 2021

DISELUDUP KERANA KICAUAN MERDU

PERDAGANGAN BURUNG
MURAI KAMPUNG MALAYSIA

*Serene C.L. Chng
Salman Saaban
Anongrakh Wechit
Kanitha Krishnasamy*



SMUGGLED FOR ITS SONG THE TRADE IN MALAYSIA'S ORIENTAL MAGPIE-ROBINS

ABOUT US

TRAFFIC is a leading non-governmental organisation working globally on trade in wild animals and plants in the context of both biodiversity conservation and sustainable development.

Reproduction of material appearing in this report requires written permission from the publisher.

The designations of geographical entities in this publication, and the presentation of the material, do not imply the expression of any opinion whatsoever on the part of TRAFFIC or its supporting organisations concerning the legal status of any country, territory, or area, or of its authorities, or concerning the delimitation of its frontiers or boundaries.

PUBLISHED BY

TRAFFIC
Southeast Asia Regional Office,
Suite 12A-01, Level 12A, Tower 1, Wisma
AmFirst,
Jalan Stadium SS7/15, Kelana Jaya
Petaling Jaya, Malaysia.

SUGGESTED CITATION

Chng, S.C.L., Saaban, S., Wechit, A. and Krishnasamy, K. (2021). *Diseludup Kerana Kicauan Merdu—Perdagangan Burung Murai Kampung Malaysia*. TRAFFIC, Southeast Asia Regional Office, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© TRAFFIC 2021. Copyright of material published in this report is vested in TRAFFIC.

UK Registered Charity No. 1076722

DESIGN

Faril Izzadi

COVER PHOTO

PENGAKUAN

Para pengarang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan PERHILITAN kerana sudi berkongsi dan mengesahkan maklumat mengenai penyitaan dan usaha penguatkuasaan undang-undang di Semenanjung Malaysia. Terima kasih kepada Kok Cze Jhin atas bantuan pengumpulan dan pengekstrakan data, Jason Teo untuk pengumpulan data, dan Ramacandra Wong kerana menghasilkan peta laluan perdagangan yang digunakan dalam laporan ini. Para pengarang juga mengucapkan terima kasih kepada Sharifah Khadjejah dan Haidar Khan bin Mokbolhassan (PERHILITAN), Elizabeth John, Ranchithaa Anatory, Sabri Zain dan Richard Thomas (TRAFFIC), James A. Eaton diatas ulasan laporan ini. Penghargaan juga diberi kepada Norhaslinda Nordin dan Natasha Zulaikha.

Para pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Elizabeth John dan Faril Noor atas reka bentuk dan susun atur laporan ini, serta perhatian mereka yang terperinci semasa ulasan dan penterjemahan.

TRAFFIC mengucapkan terima kasih kepada Wildlife Reserves Singapore dan United States Fishes and Wildlife Services atas sokongan dana dalam menangani isu perdagangan burung di Malaysia, serta Persatuan Zoo dan Akuarium Australasia kerana menyokong usaha berkaitan pengumpulan dan pengurusan data.

Pengarang: Serene C.L. Chng (Pegawai Program, TRAFFIC Southeast Asia), Salman Saaban (Salman - Pengarah PERHILITAN Johor), Anongrakh Wechit (Anong - Penolong Pengarah PERHILITAN Johor), Kanitha Krishnasamy (Kanitha - Pengarah TRAFFIC Southeast Asia)



Wildlife Reserves Singapore Group



KANDUNGAN

halaman 5

PENEMUAN UTAMA

halaman 7

LATAR BELAKANG DAN PENGENALAN

halaman 8

INSTRUMEN UNDANG-UNDANG

halaman 9

METODOLOGI

Perdagangan atas talian
Rampasan

halaman 10

HASIL DAN PERBINCANGAN

Perdagangan atas talian
Rampasan

halaman 16

KESIMPULAN DAN CADANGAN

halaman 18

RUJUKAN

PERDAGANGAN BURUNG MURAI KAMPUNG DI MALAYSIA




© Prin Pattawaro | Dreamstime.com

26,950


RAMPASAN BURUNG

Jan
2015


Dis
2020



digagalkan
di Semenanjung
Malaysia,
3% di Sarawak



diseludup dari
Malaysia ke
Indonesia




dirampas
dalam tahun
2020



17,314 BURUNG



Pasukan Gerakan Am, Polis Diraja Malaysia



26,950 BURUNG
44 INSIDEN
DALAM TEMPOH JAN 2015–DIS 2020

PENEMUAN UTAMA

Walaupun burung Murai Kampung atau Oriental Magpie-robin *Copsychus saularis* merupakan spesies yang biasa dilihat di Malaysia. Namun, permintaannya yang tinggi sebagai burung peliharaan, oleh masyarakat tempatan mahupun di negara-negara jiran, telah mengakibatkan penangkapan dan penyeludupan yang tidak terkawal bagi populasi spesies ini di Malaysia. Analisis data hasil rampasan Murai Kampung yang melibatkan Malaysia, menunjukkan peningkatan dalam kes penyeludupan antarabangsa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya untuk memenuhi permintaan berterusan daripada industri perdagangan haiwan peliharaan.

Secara keseluruhan, sekurang-kurangnya 26,950 burung Murai Kampung telah dirampas daripada 44 insiden yang melibatkan Malaysia dari Januari 2015 - Disember 2020. Secara purata, setiap rampasan melibatkan sekurang-kurangnya 613 ekor burung. Rampasan ini berlaku di Indonesia, Malaysia dan Singapura. Pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia melaporkan bahawa 17,314 (64%) daripada kesemua burung yang dirampas melibatkan kes penyeludupan dari Malaysia ke

Indonesia. Ini menunjukkan populasi burung Murai Kampung di Malaysia semakin banyak disasar untuk memenuhi permintaan di negara-negara jiran, khususnya Indonesia. Sekurang-kurangnya 17,736 (66%) dari semua burung yang diseludup berlaku hanya pada tahun 2020, menandakan masalah semasa, yang mungkin kian bertambah buruk. Ini mungkin disebabkan oleh peningkatan penguatkuasaan berserta penyusutan populasi burung ini di Indonesia yang dijadikan sumber untuk perdagangan.

Sebanyak 23 kes rampasan berlaku di Malaysia, kesemuanya di negeri Johor, Melaka, Sarawak dan Sabah yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak 17,997 ekor burung. Sebilangan besar insiden di tiga negeri pertama menunjukkan penyeludupan rentas sempadan (kes di Sabah adalah rampasan di premis). Dalam lapan rampasan di Malaysia, di mana burung diseludup ke Indonesia, sekurang-kurangnya 16 warga Indonesia telah ditangkap, jelas menunjukkan adanya rangkaian penyeludup burung berlaku di antara kedua negara ini. Sebilangan besar dari mereka adalah pendatang tanpa izin - ini

Rampasan telah dilakukan di **Indonesia, Malaysia** dan **Singapura**

© Puwadol Jaturawuthichai | Dreamstime.com

juga menunjukkan satu lagi masalah yang membimbangkan terhadap keselamatan negara.

Pemantauan perdagangan atas talian oleh TRAFFIC juga menunjukkan bahawa spesies ini sangat popular di Malaysia. Dua tinjauan penilaian pesat terhadap semua perdagangan hidupan liar sebagai haiwan peliharaan dilakukan bagi laman e-dagang tempatan yang terkenal, Mudah.my. Hasil tinjauan ini mendapati bahawa burung Murai Kampung adalah spesies ke-2 terbanyak yang dicatatkan pada tahun 2018 dan 2020. Dalam tinjauan berasingan bagi perdagangan hidupan liar pada kumpulan Facebook (Facebook group) pada tahun 2019 pula mendapati bahawa ia adalah spesies ke-9 terbanyak yang telah direkod.

Pada masa ini, undang-undang hidupan liar Malaysia tidak memberi perlindungan yang khusus kepada spesies ini, kecuali *Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar Sabah 1997*. Ini bererti di luar negeri Sabah, tiada peraturan untuk mengawal selia spesies ini yang sering ditangkap dan diperdagangkan secara haram bagi memenuhi permintaan tempatan dan antarabangsa. Untuk menangani keadaan ini dengan lebih berkesan, Malaysia memerlukan satu pendekatan yang lebih teratur dan seragam. Pertama sekali, spesies ini harus disenaraikan sebagai Dilindungi di bawah undang-undang hidupan liar Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (*Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010*) dan *Sarawak (Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998)*. Dengan cara ini, perdagangan dapat dikawal melalui sistem perlesenan yang lebih sekata di seluruh negara dan menyokong usaha penguatkuasaan yang lebih baik. Selain itu, penyenaian spesies ini sebagai haiwan yang Dilindungi, dapat menjana pendapatan kepada kerajaan melalui pembayaran lesen.

Data ini memberikan bukti kukuh tentang penyeludupan dari Semenanjung Malaysia ke Sumatera, terutamanya melalui laluan laut melintasi Selat Singapura dari pantai Johor Tenggara ke Kepulauan Riau, dan dari Sarawak ke Kalimantan melalui laluan darat. Koordinasi dan kolaborasi untuk menyiasat dan memutuskan rantai perdagangan dari sumber ke pasaran adalah sangat penting, terutamanya antara pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia. Dengan adanya maklumat yang lebih menyeluruh mengenai tahap perdagangan secara sah mahupun haram, ia dapat membantu membentuk langkah pengurusan yang lebih kukuh pada masa hadapan. Ini termasuklah peraturan antarabangsa, seperti penyenaian spesies ini di CITES Lampiran III yang dapat mewujudkan peraturan yang telus dan menyeluruh untuk perdagangan antarabangsa.

**“17,736 (66%)
BURUNG MURAI
KAMPUNG TELAH
DIRAMPAS DALAM
TAHUN 2020
SAHAJA”**

LATAR BELAKANG & PENGENALAN

Burung Murai Kampung atau Oriental Magpie-robin *Copsychus saularis* adalah spesies yang boleh didapati secara meluas di sekitar Asia. Spesies ini didapati di seluruh Malaysia, namun masih belum ada anggaran populasi untuk negara ini. Spesies ini disenaraikan pada tahap Tidak Membimbangkan (Least Concerned) dalam Senarai Merah Spesies Terancam IUCN disebabkan kawasan taburan globalnya yang luas dan populasi yang stabil (BirdLife International, 2017). Namun spesies ini dikenalpasti sebagai spesies yang perlu diutamakan disebabkan ancaman permintaan tinggi dari perdagangan burung kicau Asia (Lee *et al.*, 2015). Di Jawa, spesies ini banyak dan biasa dilihat sebelum ini, tetapi aktiviti pemburuan yang tidak terkawal mengakibatkan mereka semakin berkurangan, bahkan mengalami penurunan populasi yang mendadak (Mittermeier *et al.*, 2014; Eaton *et al.*, 2016).

Burung Murai Kampung adalah salah satu burung kicau yang popular di kalangan penggemar burung peliharaan dan dalam pertandingan kicauan, terutamanya di wilayah Sundaland (Lee *et al.*, 2015; Eaton *et al.*, 2017; Rentschlar *et al.* 2020). Walaupun ia tidaklah dinilai setinggi spesies-spesies lain (contohnya Murai Batu *Kittacincla malabarica* atau Barau-Barau *Pycnonotus zeylanicus*), ia masih sejenis burung peliharaan yang sangat popular dan diperdagangkan secara sah dan tidak sah (TRAFFIC, 2018; Rentschlar *et al.* 2020), termasuklah di Malaysia dan negara-negara jirannya. Di Singapura, tinjauan ke atas kedai haiwan peliharaan mencatatkan spesies

Copsychus saularis adamsi, hanya terdapat di Sabah, Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa spesies ini diperoleh dari negeri tersebut (Eaton *et al.*, 2017).

Spesies ini tidak disenaraikan sebagai spesies yang dilindungi di Indonesia (P.106 / MENLHK / SETJEN / KUM.1 / 12/2018), ini bermaksud ia boleh ditangkap secara sah dan diperdagangkan berdasarkan kuota. Permit kuarantin dan juga kebenaran pengangkutan diperlukan untuk memindahkan burung dari satu kawasan ke kawasan lain. Mengangkut burung tanpa permit dianggap sebagai percubaan menyeludup, yang membawa kepada rampasan oleh pihak berkuasa. Usaha penguatkuasaan di Indonesia antara tahun 2016-2020 menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 12,638 burung Murai Kampung dirampas daripada lebih kurang 47 insiden¹ (data TRAFFIC). Tinjauan pasaran TRAFFIC di Indonesia juga mendapati bahawa spesies tersebut berada dalam spesies teratas yang dicatat, dari segi jumlah yang dijual (Jadual 1).

Sejak kebelakangan ini, isu penyeludupan spesies ini yang melibatkan Malaysia, semakin banyak muncul di media. Untuk lebih memahami kelaziman tren yang melibatkan spesies ini, penilaian mengenai tahap perdagangan yang melibatkan Malaysia telah dilakukan.

Jadual 1: Bilangan burung Murai Kampung yang dicatatkan oleh TRAFFIC dalam tinjauan pasar burung di Indonesia.

Lokasi	Tahun	Bilangan burung	Kedudukan / Jumlah spesies	Rujukan
Jakarta	2014	583	9/206	Chng <i>et al.</i> , 2015
Yogyakarta, Malang and Surabaya	2015	157	23/241	Chng and Eaton, 2016
Bandung	2016	44	17/154	Chng <i>et al.</i> , 2016
Jambi, Medan, Palembang and Pekanbaru	2017	82	11/130	Chng <i>et al.</i> , 2018a
Denpasar, Bali	2017	119	9/130	Chng <i>et al.</i> , 2018a
Denpasar, Bali	2018	62	19/144	Chng <i>et al.</i> , 2018a
Jakarta	2019	415	9/242	TRAFFIC tidak diterbitkan data

1 Ini merujuk kepada semua insiden yang melibatkan burung Murai Batu di Indonesia termasuklah Malaysia.

INSTRUMEN UNDANG-UNDANG

Hidupan liar darat di Malaysia dikawal secara berasingan di bawah tiga bidang kuasa utama iaitu i) Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan, ii) Sabah dan iii) Sarawak, yang masing-masing mempunyai perundangan hidupan liar sendiri. Burung Murai Kampung pada masa ini tidak disenaraikan dalam mana-mana jadual di bawah **Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010** (WCA, Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan) atau **Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998** (WLPO, Sarawak).

Ia disenaraikan sebagai spesies yang dilindungi di bawah Jadual 2 Bahagian 1 **Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997** (Pindaan 2016) (WCE, Sabah), di mana pemburuan dan pengumpulan terhad dibenarkan dengan lesen, dan pemilikan hanya dibenarkan dengan permit. Bergantung kepada jenis kesalahan, sesiapa yang melanggar peruntukan di bawah Enakmen yang melibatkan pemburuan tanpa lesen, pemilikan haram, atau pergerakan yang tidak sah di dalam dan luar negeri, akan dikenakan denda RM30,000 – RM100,000 (USD7500 -USD25,000) dan / atau penjara antara enam bulan - lima tahun. Denda minimum RM50,000 (USD12,500) dikenakan bagi sesiapa yang didapati bersalah kerana memburu tanpa lesen.

Di bawah WLPO 1998 Seksyen 35 dan WCE 1997 Seksyen 78, pembiakan komersil hidupan liar termasuk spesies yang tidak dilindungi, seperti burung Murai Kampung, memerlukan permit atau lesen. Selain daripada itu, seksyen 22 di bawah **Peraturan Perlindungan Hidupan Liar Sarawak** melarang sebarang perdagangan hidupan liar, atau anak mereka yang terdekat (generasi F1) oleh mana-mana premis pembiakan komersial. Tiada permit yang dikeluarkan untuk pembiakan komersial bagi spesis ini di Semenanjung Malaysia, Sabah mahupun Sarawak.

Untuk mengawal perdagangan spesis hidupan liar yang tidak dilindungi, **Akta Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011** (Pindaan 2016) digunakan. Ini termasuklah pengangkutan haiwan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan

Sarawak (dianggap sebagai import dan eksport), yang mesti disertakan dengan permit, lesen atau sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Kuarantin dan Pemeriksaan. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 (USD25,000) atau penjara selama enam tahun, atau kedua-duanya. Akta ini juga memperuntukkan hukuman bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dengan denda hingga RM150,000 (USD37,500) atau penjara selama tempoh sehingga tujuh tahun, atau kedua-duanya.

Satu lagi perundangan yang jarang digunakan dalam kes jenayah hidupan liar ialah **Akta Haiwan 1953 (Pindaan 2006)**. Akta ini adalah sebuah lagi undang-undang di Semenanjung Malaysia yang memberi fokus bagi mencegah penularan dan penyebaran penyakit, dan untuk mengawal pergerakan, di dalam dan dari Semenanjung Malaysia. Seksyen 6 Akta ini juga melarang import mana-mana haiwan atau burung tanpa lesen yang sah di bawah Akta Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, dan membawa hukuman denda RM5,000 (USD1,250) atau penjara selama tempoh dua tahun, atau kedua-duanya. Seksyen 14 Akta ini melarang eksport tanpa lesen; sesiapa yang melanggar Akta ini boleh dikenakan hukuman denda RM500 (USD125) atau penjara selama tempoh enam bulan, atau kedua-duanya. Seksyen 8 Akta tersebut melarang haiwan atau burung yang tiba di Semenanjung Malaysia untuk didaratkan atau dikeluarkan dari alat pengangkutan, kecuali jika disertakan dengan izin permit oleh Jabatan Veterinar. Mana-mana Pegawai Pelabuhan mempunyai mandat untuk menguatkuasakan ini, dan sesiapa yang membenarkannya tanpa izin boleh dikenakan denda RM200 (USD50). Pegawai veterinar, Pegawai kuarantin atau polis mempunyai kuasa untuk menggeledah, merampas dan menangkap di bawah Akta ini.

Ordinan Haiwan Sabah 1962 digunapakai untuk mencegah penularan dan penyebaran penyakit dan untuk mengawal pergerakan haiwan di dalam dan dari Sabah. Seksyen 4 melarang import mana-mana haiwan atau burung tanpa lesen yang sah dan membawa hukuman denda RM2,000

(USD500) dan penjara dua tahun, atau kedua-duanya sekali. Seksyen 12 melarang eksport tanpa lesen, dan sesiapa yang melanggar undang-undang ini boleh dikenakan hukuman denda RM1,000 (USD250) atau penjara enam bulan, atau kedua-duanya sekali. Seksyen 6 Akta melarang haiwan atau burung yang tiba di Sabah untuk didaratkan atau dikeluarkan dari alat pengangkutan, kecuali jika disertakan dengan permit oleh Jabatan Veterinar. Pelanggaran undang-undang ini boleh dikenakan denda sebanyak RM1000 (USD250). Di Sarawak, ini diatur di bawah **Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999**. Denda hingga RM50,000 (12,500) atau penjara hingga dua tahun, atau kedua-duanya dikenakan untuk pelanggaran import, sementara denda untuk pelanggaran eksport dikenakan denda hingga RM5000 (USD1250) atau penjara sehingga enam bulan, atau kedua-duanya.

Sebagai spesies yang tidak disenaraikan di dalam Lampiran CITES, ia tidak tersenarai di bawah **Akta Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies Terancam 2008**, undang-undang pelaksana CITES. Namun, keputusan yang diambil di persidangan CITES ke-18 (CoP 18) berkaitan perdagangan burung kicau Asia (Keputusan 18.256-18.259 yang menyarankan lebih banyak usaha untuk memahami skala perdagangan antarabangsa burung kicau), kemungkinan akan membawa kepada peraturan antarabangsa baru dimasa hadapan.

METODOLOGI

PERDAGANGAN ATAS TALIAN

Kajian terhadap burung, mamalia dan reptilia hidup yang dijual di seluruh Malaysia melalui Mudah.my, sebuah laman web e-dagang yang popular, telah dijalankan selama 21 hari antara 28 Jun dan 27 Julai 2018 (TRAFFIC, data yang tidak diterbitkan). Penilaian susulan dilakukan di Mudah.my antara 20 April dan 20 Mei 2020 menggunakan metodologi yang sama. Kegiatan 40 kumpulan Facebook yang aktif dalam perdagangan hidupan liar di Malaysia dipantau selama 2 jam setiap hari termasuk hujung minggu dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2019. Semua catatan di mana hidupan liar ditawarkan untuk dijual didokumentasikan (TRAFFIC, data yang tidak diterbitkan). Untuk mengelakkan pertindihan dan inflasi hasil penyelidikan, setiap catatan disemak satu persatu. Ini termasuk sebarang catatan yang muncul pada tarikh yang berbeza, tetapi melibatkan item yang sama. Pos dan gambar yang sama dikecualikan, jadi hasil analisa ini mewakili bilangan minimum dan mungkin merupakan anggaran yang lebih rendah daripada apa yang sebenarnya diiklankan.

RAMPASAN

Data sumber terbuka (dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia) dan data kerajaan mengenai insiden rampasan yang melibatkan Malaysia dari Januari 2015 - Disember 2020 dimasukkan dalam analisis. Ini adalah rampasan yang berlaku di Malaysia, atau dilaporkan melibatkan Malaysia pada mana-mana bahagian dalam rantai perdagangan dalam insiden rampasan. Semua rekod rampasan yang telah berlaku di Malaysia telah diperiksa dan disahkan dengan agensi kerajaan Malaysia. Hasil set data ini berpotensi menyebabkan bias dalam analisis dan oleh itu tidak boleh dianggap sebagai tren pemerdagangan mutlak. Rekod rampasan adalah salah satu kaedah untuk menganggar tahap pemerdagangan hidupan liar. Walaupun ia boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, sifat terselindung aktiviti haram bermaksud kadar pemerdagangan yang sebenar mungkin jauh lebih



besar daripada anggaran yang bergantung kepada rekod rampasan sahaja. Adalah penting untuk dinyatakan bahawa Burung Murai Kampung tidak dilindungi di Malaysia selain di negeri Sabah, maka jumlah sebenar burung yang ditangkap, disimpan atau diperdagangkan (sah dan tidak sah) berkemungkinan jauh lebih besar daripada data yang dilaporkan dalam analisis ini sahaja. Walau bagaimanapun, ia dilaporkan di sini demi untuk menjelaskan perdagangan bagi satu spesies yang tidak banyak diperbincangkan, dan pada pengetahuan pengarang, analisis data rampasan dan usaha penguatkuasaan sebegini untuk spesies Murai Kampung di Malaysia belum pernah dilakukan. Kadar penukaran USD1 = RM4.09 telah digunakan (mata wang XE, 24 November 2020).

HASIL & PERBINCANGAN

PERDAGANGAN ATAS TALIAN

Sebanyak 198 burung Murai Kampung direkodkan dalam 124 iklan, dalam 11 daripada 40 kumpulan Facebook yang dipantau dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2019. Ini menjadikannya spesies kesembilan yang paling banyak direkodkan (daripada kesemua spesies burung, mamalia dan reptilia yang dipantau). Jumlah burung tertinggi ditawarkan di negeri Selangor (52) dan Kelantan (44), manakala untuk 37 ekor burung yang lain, lokasinya tidak diketahui.

Empat pedagang yang berpusat di Indonesia (tiga dari Malang, Jawa Tengah) masing-masing mengiklankan satu burung Murai Kampung dalam satu kumpulan Facebook. Data harga dapat direkodkan untuk 37 ekor burung, dan berkisar antara RM7-450 (USD1.71– 110.02) (purata = RM109 atau USD26.65). Walaupun sumber bagi 150 ekor burung tidak disenaraikan, 48 ekor yang lain dinyatakan sebagai sumber liar.

Analisis data hasil tinjauan di Mudah.my dari 28 Jun dan 27 Julai 2018 mendapati 70 burung Murai Kampung telah diiklankan untuk dijual (TRAFFIC, data yang belum diterbitkan). Ia adalah spesies ke-2 terbanyak yang dicatatkan semasa tinjauan tersebut, yang merangkumi burung, mamalia dan reptilia hidup. Menurut lokasi iklan, majoriti (45 individu) direkodkan di negeri Kelantan, kebanyakannya di Kota Bharu (37). Negeri dengan catatan kedua tertinggi berada di Perak, dan kesemuanya di bandar Ipoh (9).


Penilaian susulan di Mudah.my antara 20 April dan 20 Mei 2020 mendapati sekurang-kurangnya 49 burung Murai Kampung yang diiklankan untuk dijual (TRAFFIC, data yang tidak disiarkan); sekali lagi spesies ke-2 paling banyak yang dicatatkan. Harga permintaan adalah antara RM20-250 (USD 4.89-61.12) (min = RM66 atau USD16.14).

Sekali lagi, majoriti individu direkodkan di Kelantan (36 individu dari 11 iklan) diikuti oleh Kedah (tujuh individu dari tiga iklan). Variasi harga yang besar di kedua platform menunjukkan bagaimana burung dinilai berdasarkan kualiti yang anggarkan dengan mempertimbangkan faktor seperti usia, jantina, sumber, asal dan tingkah laku.


RAMPASAN

Antara 1 Januari 2015 dan 31 Disember 2020, sekurang-kurangnya 26,950 burung Murai Kampung disita dalam 44 rampasan yang melibatkan Malaysia, dengan rata-rata 613 ekor burung bagi setiap rampasan. Ini termasuk dua rampasan yang berasal dari Malaysia dan dirampas di Batam, Indonesia, di mana burung Murai Kampung ditemui tetapi jumlahnya tidak diketahui (hanya jumlah agregat semua burung yang dilaporkan)². Dengan menggunakan harga permintaan minimum RM7 dan maksimum RM450 - berdasarkan kajian perdagangan dalam talian oleh TRAFFIC pada tahun 2019 dan 2020 seperti yang diuraikan di atas - dan memandangkan burung-burung yang dirampas ini disyaki berasal dari Malaysia, anggaran nilai kesemua burung yang dirampas mencapai jumlah RM188,650 – RM12,127,500 (USD46,087– USD2.96 juta).

2 Kedua-dua rampasan ini adalah sebahagian daripada 44 rampasan, bagaimanapun burung-burung ini tidak termasuk dalam jumlah burung yang dirampas (26,950) kerana bilangan sebenarnya tidak diketahui.



BILANGAN INSIDEN



BILANGAN BURUNG

Rajah 1: Negara dan negeri di mana rampasan berlaku

Daripada 44 kes rampasan, 20 berlaku di Indonesia, 23 di Malaysia (melibatkan 17,

satu di Singapura (Rajah 1). Hanya satu rampasan berasal dari Malaysia; rampasan ini melibatkan penghantaran yang diseludup dari Surabaya, Indonesia, ke Kuala Lumpur, Malaysia melalui laluan udara. Kesemua 23 rampasan Malaysia berlaku hanya di empat negeri: Johor, Melaka, Sarawak, Sabah, dan satu kes di mana negeri itu tidak dinyatakan (Rajah 1).


Sepanjang tempoh tinjauan, terdapat lonjakan jumlah rampasan yang melibatkan burung Murai Kampung pada tahun 2019 dan 2020. Lonjakan yang paling ketara berlaku pada tahun 2020 di mana 17,736 atau 66% dari jumlah keseluruhan burung yang dirampas sepanjang tempoh enam tahun dirampas pada tahun tersebut (Rajah 2). Walaupun sekatan pergerakan orang dan barangan diperketatkan pada tahun tersebut, disebabkan wabak Covid-19, data menunjukkan bahawa rampasan haiwan liar secara umumnya, terutama rampasan burung di Indonesia dan Malaysia, tetap konsisten dengan tahun-tahun sebelumnya (Anatory *et al.*, dalam persiapan).

Berdasarkan perbincangan dengan pedagang dan pihak berkuasa di Malaysia dan Indonesia,

kenaikan ini kemungkinan juga disebabkan oleh peningkatan tangkapan spesies ini di Malaysia, sebagai sumber untuk perdagangan di Indonesia dan negara-negara jiran lain, kerana populasi di sana semakin berkurang. Peningkatan ini boleh juga turut disebabkan oleh faktor lain, seperti kesedaran yang lebih tinggi di kalangan petugas penguatkuasa tentang perdagangan hidupan liar secara umum, khususnya penyeludupan burung. Peningkatan kewaspadaan di pintu masuk dan keluar yang seringkali digunakan untuk aktiviti penyeludupan, seperti di negeri Johor di mana pelbagai kes penyeludupan burung kicau dipatahkan pada tahun 2020 (Tan, 2020), juga turut menyumbang kepada peningkatan hasil rampasan.

Penangkapan suspek-suspek warga Malaysia dan Indonesia menunjukkan wujudnya rangkaian penyeludup dan peniaga yang memindahkan burung dari Malaysia ke Indonesia. Dari kesemua 44 rampasan, sekurang-kurangnya lima kes melibatkan suspek warga Malaysia dan Indonesia dalam kes yang sama. Bagi rampasan yang berlaku di Malaysia, sekurang-kurangnya 16 orang warga Indonesia ditangkap dalam lapan rampasan (ini termasuk mereka yang juga

Rajah 2: Bilangan rampasan burung Murai Kampung yang melibatkan Malaysia, dan bilangan burung mengikut tahun





ditangkap bersama warga Malaysia). Sebilangan besar dari mereka dilaporkan adalah pendatang tanpa izin, yang turut menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan negara. Dalam satu kes pada bulan Ogos 2020, seorang kapten kapal ditembak bunuh ketika beliau dilaporkan cuba merampas senjata api anggota penguatkuasa (Tan, 2020). Daripada kesemua kes, setakat Disember 2020, hanya tujuh suspek berjaya didakwa dalam tiga kes – ini melibatkan dua kes yang berlaku di Sarawak, Malaysia, dan satu di Batam, Indonesia. Kesemua pesalah adalah warga Indonesia.

Terdapat lebih banyak insiden penyeludupan bagi laluan darat, tetapi jumlah burung yang lebih banyak diseludup adalah melalui laluan laut (Rajah 3). Sebahagian besar daripada penyeludupan melalui laluan laut berlaku dari Semenanjung Malaysia ke Sumatera: melintasi Selat Melaka (sebagai contoh, dari Melaka ke Sumatera timur), atau di seberang Selat Singapura (sebagai contoh, dari Johor ke Kepulauan Riau) (Rajah 4). Sebaliknya, burung dari Malaysia Timur diseludup ke Kalimantan melalui laluan darat. Empat rampasan melibatkan burung yang terdapat di premis; dari jumlah tersebut, dua dilaporkan sebagai premis penyimpanan burung di Sarawak dan Johor, sebelum mereka diseludup ke negara jiran.

Bagi kes-kes di mana laluan perdagangan diketahui, Semenanjung Malaysia (terutama Johor dan Melaka) dan khususnya Sarawak secara jelas terlibat sebagai lokasi sumber dan juga tempat asal penyeludupan ke negara jiran (Rajah 4). Sebagai contoh, Sarawak dinamakan sebagai lokasi asal kepada 2532 ekor burung yang dirampas dalam lapan kes rampasan di Kalimantan Barat di Indonesia. Bandar-bandar di Sarawak seperti Tebedu, Serikin dan Serian yang bersempadan dengan Kalimantan Barat adalah lokasi utama yang terlibat dalam rampasan. Bagi Semenanjung Malaysia pula, lokasi di pantai tenggara Johor (seperti Teluk Ramunia, Pengerang, Sungai Rengit) menjadi tumpuan, dan pada tahap yang lebih rendah di pantai barat Johor (Batu Pahat). Selain itu, 6370 burung yang dirampas dalam enam kes di Riau, Indonesia dianggap berasal dari Semenanjung Malaysia. Selain penyitaan yang dinyatakan di atas,

lima insiden yang melibatkan Malaysia hanya menyatakan sekurang-kurangnya 3,310 *Copsychus sp.*, yang berkemungkinan merupakan kacukan burung Murai Batu (*Kittacincla malabarica*, sebelumnya dikenal sebagai *Copsychus malabaricus*) dan / atau burung Murai Kampung dalam pengiriman. Kes ini tidak termasuk dalam analisis di atas.


Rajah 3: Kadar insiden penyeludupan dengan kaedah pengangkutan



LOKASI DAN LALUAN PENYELUDUPAN BURUNG MURAI BATU



Rajah 4: Laluan pemerdagangan burung Murai Kampung yang berasal dari Malaysia. Keamatan warna / kegelapan garis menunjukkan jumlah burung, sementara ukuran titik di mana lokasi yang tepat tidak ditunjukkan (seperti Sumatera; Semenanjung Malaysia) menunjukkan jumlah burung yang berasal dari atau ditakdirkan untuk lokasi tersebut.



RAMPASAN BURUNG MURAI BATU

(Leupen *et al.*, 2018)

Burung Murai Kampung sering diseludup dalam penghantaran yang sama dengan burung Murai Batu; 16 daripada 43 penyitaan yang dianalisis juga melibatkan burung Murai Batu. Namun, disebabkan Murai Kampung tidak dilindungi di Indonesia dan Malaysia, mereka kemungkinan spesies tersebut tidak direkod dalam hasil tindakan penguatkuasaan. Oleh itu, penilaian rampasan burung Murai Batu mungkin juga akan memberi gambaran yang lebih lengkap mengenai penyeludupan burung Murai Kampung dari Malaysia ke negara jiran di Asia Tenggara.

Leupen *et al.* (2018) mengumpulkan sejumlah 432 kes rampasan burung Murai Batu di antara tahun 2008 dan 2018, yang melibatkan sejumlah 15,480 burung. Dari jumlah tersebut, 218 rampasan 6,838 burung dilakukan di Malaysia sendiri. Dua puluh sembilan dari penghantaran antarabangsa ini menuju ke Indonesia, dan semua penghantaran ke Indonesia dibawa dari Malaysia. Ini termasuk rampasan tunggal di Indonesia pada bulan Julai 2017, yang melibatkan 4,280 burung Murai Batu yang diseludupkan ke Batam (kepulauan Riau Indonesia) dari Malaysia. Selain itu, lima belas penghantaran didapati dihantar dari Malaysia ke Thailand.



Sumber: Leupen *et al.*, 2018

Nombor-nombor di dalam bulatan menunjukkan bilangan kekerapan sesuatu laluan disebut di dalam rekod rampasan. Nama-nama negara di dalam kurungan digunakan apabila lokasi yang tepatnya tidak dapat diketahui.

KESIMPULAN & CADANGAN

menunjukkan adanya permintaan burung Murai Kampung Malaysia, di dalam negara. Lebih membimbangkan lagi, ini menunjukkan permintaan populasi burung Malaysia bagi pasaran antarabangsa yang jauh lebih besar, khususnya Indonesia, yang mampu mendorong kepada pemburuan yang tinggi di Malaysia.

Sejarah menunjukkan bahawa pemburuan tanpa peraturan atau pengawalan untuk spesis yang sering diperdagangkan (Bergin *et al.* 2017; Leupen *et al.*, 2018) akan menjejaskan populasi liar dalam jangka masa yang singkat. Burung Barau-Barau yang dulu biasa dijumpai di rantau Greater Sunda, kini telah pupus dari sebilangan besar habitat asalnya, dan kini hanya dijumpai di Singapura dan beberapa bahagian di Semenanjung Malaysia dan Borneo. Burung tersebut juga disenaraikan secara global sebagai Terancam Punah atau Critically Endangered oleh IUCN (Bergin *et al.* 2017; Chiok *et. al.*, 2020) baru-baru ini. Burung Murai Kampung di Singapura sendiri diperangkap sehingga hampir pupus pada tahun 1980-an, sehingga memerlukan program pengenalan semula pemuliharaan untuk mengembalikan spesis tersebut ke alam liar (National Parks Board, 2019). Justeru, lonjakan rampasan yang sangat tajam pada tahun 2020 amat membingkan, dan tanpa sebarang tindakan untuk melindungi burung Murai Kampung Malaysia, mereka juga dapat menghadapi nasib yang sama.





Dalam keadaan ini, pendekatan langkah efektif untuk menambahbaik peraturan sedia ada harus diperkenalkan di seluruh Malaysia, bermula dengan penyenaian spesies ini sebagai Dilindungi di bawah undang-undang yang berkaitan di Semenanjung Malaysia (*Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010*) dan Sarawak (*Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998*). Ini akan membolehkan pengawalan perdagangan yang diatur melalui sistem perlesenan dengan lebih harmoni di seluruh negara dan meningkatkan usaha penguatkuasaan kerajaan. Selain itu, penyenaian spesies ini sebagai Dilindungi dapat memberikan penjana pendapatan kepada kerajaan melalui kutipan bayaran lesen.

Dengan maklumat yang lebih menyeluruh mengenai tahap perdagangan secara sah dan haram, ini dapat membantu membentuk langkah pengurusan yang lebih kukuh untuk masa hadapan. Ini termasuk peraturan antarabangsa, seperti penyenaian spesies ini di CITES Lampiran III, yang akan membenarkan pengawalan perdagangan antarabangsa yang telus dan menyeluruh. Ini akan membolehkan Malaysia menyumbang dan menyokong pelaksanaan keputusan CITES mengenai perdagangan burung kicau dengan sepenuhnya. Ia juga membuka ruang untuk Malaysia terlibat secara aktif dalam bengkel antarabangsa yang dicadangkan dalam Keputusan CITES 18.256-18.259.

Bergin, D., Chng, S.C.L., Eaton, J.A. and Shepherd, C.R. (2017). The final straw? An overview of Straw-headed Bulbul *Pycnonotus zeylanicus* trade in Indonesia. *Bird Conservation International*. BirdLife International, Cambridge, United Kingdom.

BirdLife International (2017). *Copsychus saularis* (amended version of 2016 assessment). *The IUCN Red List of Threatened Species 2017*: e.T103893432A111178145. <https://dx.doi.org/10.2305/IUCN.UK.2017-1.RLTS.T103893432A111178145.en>. Downloaded on 23rd March 2020.

BirdLife International (2020). Species factsheet: *Copsychus saularis*. Downloaded from <http://www.birdlife.org> on 23rd March 2020.

Chiok, W.X., Miller, A.E., Pang, S.E., Eaton, J.A., Rao, M. and Rheindt, F.E. (2019). Regional and local extirpation of a formerly common Sundaic passerine, the Straw-headed Bulbul *Pycnonotus zeylanicus*. *Forktail* 35: 3–11.

Chng, S.C.L. and Eaton, J.A. (2016). *In the market for extinction: Eastern and Central Java*. TRAFFIC South-East Asia, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Chng, S.C.L., Eaton, J.A., Krishnasamy, K., Shepherd, C.R. and Nijman, V. (2015). *In the market for extinction: an inventory of Jakarta's bird markets*. TRAFFIC South-East Asia, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Chng, S.C.L., Guciano, M. and Eaton, J.A. (2016). In the market for extinction: Sukahaji, Bandung, Java, Indonesia. *BirdingAsia* 26: 22–28.

Chng, S.C.L., Shepherd, C.R. and Eaton, J.A. (2018a). In the market for extinction: birds for sale in selected outlets in Sumatra. *TRAFFIC Bulletin* 30: 15–22.

Chng, S.C.L., Krishnasamy, K. and Eaton, J.A. (2018b). In the market for extinction: the cage bird trade in Bali. *Forktail* 34: 35–41.

Eaton, J.A., Leupen, B.T.C. and Krishnasamy, K. (2017). *Songsters of Singapore: An Overview of the Bird Species in Singapore Pet Shops*. TRAFFIC. Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Eaton, J.A., van Balen, B., Brickle, N.W. and Rheindt, F. E. (2017). *Birds of The Indonesian Archipelago: Greater Sundas and Wallacea*. Lynx Edicions. Barcelona, Spain.

Lee, J.G.H., Chng, S.C.L. and Eaton, J.A. (2016). *Conservation strategy for South-East Asian Songbirds in trade: recommendations from the first Asian Songbird Trade Crisis Summit 2015 held in Jurong Bird Park, Singapore, 27–29 September 2015*. Wildlife Reserves Singapore, Singapore; TRAFFIC Southeast Asia, Selangor, Malaysia.

Leupen B.T., Krishnasamy, K., Shepherd, C.R., Chng, S.C.L., Bergin, D.A., Eaton, J.A., Yukin, D.A., Koh, S.P.H., Miller, A., Nekaris, K.A., Nijman, V., Saaban, S. and Imron, M.A. (2018). Trade in White-rumped Shamas *Kittacincla malabarica* demands strong national and international responses. *Forktail* 34: 1–8.

Mittermeier, J.C., Oliveros, C.H., Haryoko, T., Irham, M. and Moyle, R.G. (2014). An avifaunal survey of three Javan volcanoes—Gn Salak, Gn Slamet and the Ijen highlands. *Birding Asia* 22: 91–100.

National Parks Board, 2019. *Copsychus saularis* (Linnaeus, 1758). Flora Fauna Web. <https://www.nparks.gov.sg/florafaunaweb/fauna/7/4/748> (accessed on 13th December 2020).

Rentschlar, K.A., Miller, A.E., Lauck, S.L., Rodiansyah, Bobby, M., Muflihati and Kartikawati (2020). A silent morning: the songbird trade in Kalimantan, Indonesia. *Tropical Conservation Science* 11: 1940082917753909.

Tan, B. (2020). *Bird smuggler shot dead by coast guard in waters off Johor*. Malay Mail (Malaysia): 24th August. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/08/24/bird-smuggler-shot-dead-by-coast-guard-in-waters-off-johor/1896704>

TRAFFIC. (2018). *Arrests in Kalimantan and Sabah for dealing in protected bird species*. TRAFFIC Press Statement. 16th July: <https://www.traffic.org/news/arrests-in-kalimantan-and-sabah-for-dealing-in-protected-bird-species/>



© Vinal Preedee | Dreamstime.com

TRAFFIC, the wildlife trade monitoring network, is a leading non-governmental organisation working globally on trade in wild animals and plants in the context of both biodiversity conservation and sustainable development.

For further information contact:
TRAFFIC
Southeast Asia Regional Office,
Suite 12A-01, Level 12A, Tower 1,
Wisma AmFirst
Jalan Stadium SS 7/15
47301 Kelana Jaya

Selangor, Malaysia
Telephone: (603) 7880 3940
Fax : (603) 7882 0171
Website: www.traffic.org

UK Registered Charity No. 1076722,
Registered Limited Company No. 3785518.

TRAFFIC
the wildlife trade monitoring network